

Cap ayam harga 'tulen'

Sindiket jual barang tiruan perdaya pelanggan konon beri diskaun tinggi

Oleh Hafidzul Hilmie
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Menjadikan hotel terkemuka di ibu negara bagi menjual tali pinggang, baju, kaca mata, topi dan selenang berjenama tiruan untuk mengelirukan pengguna dan mengelak dikesan pihak berkuasa.

Itu modus operandi baharu sindiket menjual barang berjenama tiruan yang mengaut keuntungan ratusan ribu ringgit setiap bulan.

Sindiket terbabit dikesan menggunakan jenama Gucci, LV, Burberry, Chanel serta Versace dan akan mengadakan jualan murah di hotel terkemuka.

Bagaimanapun, taktik itu terbongkar selepas anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menyerbu hotel berkenaan jam 7 malam kelmarin.

Ketua Seksyen Siasatan Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,

Tawar barang berjenama tiruan serendah RM100 hingga RM2,000



SHAMSUL Nizam (dua dari kiri) menunjukkan barang berjenama tiruan yang dirampas di sebuah hotel, semalam.

Shamsul Nizam Khalil berkata, serbuan berjaya merampas pelbagai barang berjenama tiruan bernilai RM438,520.

"Mereka memperdaya orang ramai kononnya setiap barang yang dijual diberikan diskaun yang tinggi.

"Barangan (berjenama tiruan) itu dijual pada

harga serendah RM100 sehingga RM2,000 bergantung kepada jenis barang," katanya pada sidang media di Stor KPDNHEP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Katanya, siasatan awal mendapat sindiket menyewa tempat di hotel terkemuka berkenaan untuk mengadakan jualan murah barang tiruan.

"Ini modus operandi baharu yang dikesan dan

kita dapat promosi berhubung jualan murah barang berjenama di hotel dibuat menerusi laman sosial Facebook.

"Jualan murah ini biasanya dibuat di hotel yang tertentu pada hujung minggu atau musim perayaan. Kes ini disiasat mengikut Seksyen 102(1) (b) Akta Cap Dagangan 2019," katanya.

Katanya, orang ramai diminta supaya berhati-hati

apabila membeli barang berjenama terkenal yang diadakan di mana-mana tempat.

"Adalah lebih baik membeli barang dengan pendedar sah kerana dikhawatir barang yang dibeli adalah tiruan."

"Orang ramai boleh membuat laporan sekiranya mengesyaki barangan yang dijual di lokasi tertentu adalah tiruan," kata-

HARI : ..
TARikh : ..
MASURAT : ..

SELASA
31/12/2019
A3